Kesalahan Penggunaan Bahasa Istana

Latihan 12

Betulkan kesalahan **bahasa istana** *yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah.*

1 Penduduk negeri Alam Shah Bana berduka apabila Raja Ali sakit.

_____

2 Negeri Beringin Rendang bersedih apabila rajanya meninggal dunia.

_____

3 "Isteri beta akan menjaga negeri ini sepanjang beta berada di Siam," titah Sultan Malikul Salleh.

_____

4 Putera dan puteri Raja Pertiwi berasa bimbang apabila ayahanda mereka tidak makan selama seminggu.

_____

5 Jenazah baginda akan dikuburkan di Riau, Indonesia.

_____

6 Kejadian itu berlaku apabila puteri-puteri baginda sedang tidur.

_____

7 Dayang-dayang itu menemani tuan puteri ketika mandi.

_____

8 Ayah kelihatan segak pada hari ini kerana dia akan menjumpai sultan.

_____

9 Tanah di seberang jalan itu ialah hadiah daripada Sultan Shahrul Nizam kepada Pak Ali.

_____

10 Sultan Shahrul Nizam duduk di kerusi ketika majlis keramaian itu dimulakan.

_____

11 Baginda akan bertolak ke luar negara untuk menjalani pembedahan pada bulan hadapan.

_____

12 Baginda akan tinggal di istana kayangan pada bulan hadapan.

_____

LIVEWORKSHEETS